



PELBAGAI kelebihan yang Allah SWT janjikan kepada individu yang cintakan al-Quran. – Gambar hiasan

# Bertadarus di bulan Ramadan

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL BAKRI

## Ihya' Ramadan

**B**ULAN Ramadan mengingatkan kita dengan turunnya wahyu yang pertama (al-'Alaq: 1-5) yang bermaksud: *Bacalah (Wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui Pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.*

Dengan sebab itu digalakkan membaca al-Quran terutamanya pada bulan Ramadan. Ini kerana al-Quran digandingkan dengan puasa dan juga bulan Ramadan.

Benarlah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Puasa dan al-Quran memberi syafaat kepada hamba pada hari kiamat. Puasa berkata: Hai Tuhanku, aku menegahnyanya daripada makan dan syahwat pada siang hari. Maka berilah syafaatku padanya. Al-Quran pula berkata: Tuhanku, aku tegahkannya daripada tidur malam, maka berilah syafaat kepadaku padanya. Kemudian kedua-duanya diberi syafaat." (riwayat Ahmad dengan sanad sahih)

Dr. Muhammad al-Zuhaili dalam bukunya *Mausu'ah Qadaya Islamiah Mu'asirah 1/328* berkata: "Sesungguhnya al-Quran adalah kalam Allah, dan sesiapa yang mahu berbicara dengan Tuhannya, maka hendaklah membaca al-Quran. Ini kerana al-Quran merupakan hidangan Allah yang diturunkan-Nya kepada hamba-hamba-Nya untuk dinikmati dan

dikecapi."

Sebuah hadis riwayat al-Hakim dan beliau mensahihkannya menyebut: Daripada Abdullah bin Mas'ud, daripada Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya al-Quran merupakan hidangan Allah, maka terimalah hidangan-Nya semampu kamu. Sesungguhnya al-Quran ini tali Allah, cahaya yang nyata, penyembuh yang bermanfaat, penyelamat bagi siapa yang berpegang dengannya, kesejahteraan bagi siapa yang mengikutinya. Tidaklah ia menyeleweng, pasti diperbetulkan dan sesat pasti ditunjukkan keajaibannya tidak putus-putus. Ia tidak binasa dengan sebab banyaknya dibaca. Bacalah al-Quran kerana Allah menggandakan kepada kamu pahala pada setiap bacaannya. Setiap huruf dengan sepuluh kebajikan. Adapun sesungguhnya aku tidak berkata *ali lam mim* satu huruf tetapi *alif* itu satu huruf, *lam* itu satu huruf dan *mim* itu satu huruf."

Rasulullah SAW menggalakkan umat Islam berhimpun untuk membaca al-Quran dan bertadarus. Baginda menjelaskan kepada mereka kelebihannya antaranya: Diturunkan *sakinah* dan *tama'ninah* serta ketenangan, rahmat dan pelbagai lagi kelebihan kepada yang cintakan al-Quran.

Sebuah hadis riwayat al-Turmuzi daripada Abi Sa'id bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Firman Allah SWT dalam hadis Qudsi, siapa yang disibukkannya oleh al-Quran daripada memohon kepadaku, nescaya

## Imam Syafie khatam dua kali sehari

FADILAT dan kelebihan membaca quran amat banyak seperti yang terdapat dalam hadis. Atas asas inilah para sahabat, salaf al-salih bersungguh-sungguh membaca al-Quran. Ada yang sekali khatam pada bulan Ramadan, dua kali khatam, tiga kali khatam, empat kali khatam, lima kali khatam hingga kepada 10 kali khatam, 20 kali khatam dan ada yang setiap hari.

Ada hikayat menyebut Imam al-Syafie khatam al-Quran pada bulan Ramadan sebanyak dua kali sehari. Imam Malik apabila datangnya Ramadan, beliau menutup majlis pengajarannya dan mengadap al-Quran, membaca dan bertadarus seraya berkata: "Ini bulan kitab Tuhanku. Justeru, marilah sama-sama kita merajinkan diri kita untuk kembali membaca al-Quran, menghayati dan akhirnya dapat mengamalkannya."

aku kurniakan yang lebih afdal daripada yang aku kurniakan kepada orang yang meminta. Dan kelebihan kalam Allah SWT berbanding dengan semua kalam sama seperti kelebihan Allah atas segala makhluknya."